

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUku TAHUN PERTAMA 2025

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.6 peratus pada Suku Tahun Pertama 2025

PUTRAJAYA, 8 Mei 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia, pada hari ini menerbitkan satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN PERTAMA 2025**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia. IHPRP terus menunjukkan trend peningkatan, meningkat 0.6 peratus pada suku tahun pertama 2025 berbanding 0.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Indeks Kesenian, hiburan & rekreasi meningkat 6.6 peratus berbanding peningkatan 6.1 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan oleh Aktiviti hiburan & rekreasi lain (2.1%). Sementara itu, indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman terus meningkat 3.6 peratus (ST4 2024: 3.1%), disumbangkan oleh peningkatan indeks Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (4.0%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (3.1%). Indeks lain yang mencatatkan peningkatan adalah Pendidikan (1.2%), Kesihatan (0.6%), Profesional (0.5%) dan Aktiviti hartanah (0.1%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Sebaliknya, indeks Pengangkutan mencatatkan penurunan 3.1 peratus (ST4 2024: -2.4%), disebabkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan penumpang udara (-12.4%). Selain itu, indeks Maklumat & komunikasi juga merekodkan penurunan 0.2 peratus, dipengaruhi oleh penurunan Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar (-0.1%).”

Ketua Perangkawan Malaysia mengulas lanjut, “Pada asas suku tahunan, IHPRP meningkat 0.3 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti suku tahun sebelumnya.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 8 Mei 2025

Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman 1.0 peratus, diikuti oleh indeks Pendidikan dan Kesenian, hiburan & rekreasi, iaitu masing-masing mencatatkan kenaikan 0.7 peratus. Selain itu, indeks lain yang menunjukkan peningkatan adalah Aktiviti hartanah (0.4%), Kesihatan (0.3%), Profesional (0.2%) dan Pengangkutan (0.1%). Sementara itu, indeks Maklumat & komunikasi kekal tidak berubah.”

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 8 Mei 2025

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Pertama 2025

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST1 2024	ST4 2024	ST1 2025	ST1 2025/ ST4 2024	ST1 2025/ ST1 2024
JUMLAH	115.8	116.1	116.5	0.3	0.6
Pengangkutan	111.2	107.7	107.8	0.1	-3.1
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman	153.4	157.4	158.9	1.0	3.6
Maklumat & komunikasi	101.2	101.0	101.0	0.0	-0.2
Aktiviti harta tanah	127.7	127.3	127.8	0.4	0.1
Profesional	104.6	104.9	105.1	0.2	0.5
Pendidikan	118.7	119.3	120.1	0.7	1.2
Kesihatan	108.0	108.3	108.6	0.3	0.6
Kesenian, hiburan & rekreasi	108.8	115.2	116.0	0.7	6.6

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2022 – ST1 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 MEI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA FIRST QUARTER 2025

Services Producer Price Index rises by 0.6 per cent in the First Quarter of 2025

PUTRAJAYA, May 8th, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia today released a report of the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FIRST QUARTER 2025**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector. The SPPI continued its upward trend, rising by 0.6 per cent in the first quarter of 2025, as compared to 0.5 per cent in the previous quarter.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, in the statement, "The Arts, entertainment & recreation index increased by 6.6 per cent as compared to a 6.1 per cent rise in the previous quarter, driven by Other amusement & recreation activities (2.1%). Meanwhile, the Accommodation and food & beverage service activities index continued to increase by 3.6 per cent (Q4 2024: 3.1%), supported by increases in Restaurants and mobile food service activities (4.0%) and Beverage service activities (3.1%) indices. Other indices also recorded increases were Education (1.2%), Health (0.6%), Professional (0.5%) and Real estate activities (0.1%)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, "Conversely, the Transportation index recorded a decline of 3.1 per cent (Q4 2024: -2.4%), mainly due to the Passenger air transport index (-12.4%). At the same time, the Information & communication index recorded a decrease by 0.2 per cent, influenced by a decline in the Wireless telecommunications activities (-0.1%)."

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 8th 2025

Chief Statistician Malaysia further elaborated that, “On a quarter-on-quarter basis, SPPI increased by 0.3 per cent, maintaining the same rate as in the previous quarter. The increase was primarily driven by the Accommodation and food & beverage service activities index, which rose by 1.0 per cent, followed by Education and Arts, Entertainment & Recreation indices, each recording a 0.7 percent increase. Other indices that showed an increase were Real estate activities (0.4%), Health (0.3%), Professional (0.2%) and Transportation (0.1%). Meanwhile, the Information & communication index remained unchanged.”

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Table 1: Services Producer Price Index, First Quarter of 2025

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q1 2024	Q4 2024	Q1 2025	Q1 2025/ Q4 2024	Q1 2025/ Q1 2024
TOTAL	115.8	116.1	116.5	0.3	0.6
Transportation	111.2	107.7	107.8	0.1	-3.1
Accommodation and food & beverage service activities	153.4	157.4	158.9	1.0	3.6
Information & communication	101.2	101.0	101.0	0.0	-0.2
Real estate activities	127.7	127.3	127.8	0.4	0.1
Professional	104.6	104.9	105.1	0.2	0.5
Education	118.7	119.3	120.1	0.7	1.2
Health	108.0	108.3	108.6	0.3	0.6
Arts, entertainment & recreation	108.8	115.2	116.0	0.7	6.6

Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2022 – Q1 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 MAY 2025**